

**FTA diteruskan jika galak kepentingan nasional
Malaysiakini.com
Disember 2, 2010**

Malaysia hanya akan meneruskan perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang mempromosikan kepentingan nasional, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, hari ini.

Mustapa Mohamed berkata ketika diminta mengulas gesaan Gabungan Rakyat Membantah FTA supaya menghentikan rundingan FTA Malaysia-EU, dengan alasan FTA itu tidak mencerminkan aspirasi Malaysia.

"Saya dimaklumkan bahawa memorandum telah dikemukakan kepada MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) hari ini. Masyarakat bebas menyuarakan pandangan, kami menyambut baik pandangan dan menerimanya memandangkan MITI memang berunding dengan pelbagai pemegang kepentingan," katanya.

Mustapa berkata, MITI juga berunding dengan pihak yang mengemukakan memorandum itu apabila tiba masanya.

"FTA Malaysia-EU masih panjang lagi. Oleh itu, saya memberi jaminan kepada rakyat bahawa pandangan mereka akan diambil kira," katanya.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149812>